



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebu Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



35

Telefon: 603-88880036
Faks: 603-8888 0962
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: sumber_manusia@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/IP/CSM:500-4/7 (2)
Tarikh : 13 Disember 2013

SENARAI SEPERTI EDARAN

YS Dato' / Tuan,

BAYARAN INSENTIF BOMBA (BIB) KEPADA PEGAWAI DAN ANGGOTA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YS Dato'/Tuan sedia maklum, Jabatan ini telah diluluskan pembayaran Bayaran Insentif Bomba (BIB) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkuatkuasa **01 Januari 1976**. Semenjak itu, bayaran insentif berkenaan telah beberapa kali disemak dan diberi kenaikan kadar yang mana kali terakhirnya adalah pada tahun 2007. Kadar terkini adalah sebanyak **RM110 sebulan kepada anggota yang bertugas 12 jam** dan **RM220 sebulan kepada yang bertugas 24 jam**.

3. Pembayaran BIB ini diluluskan bagi anggota bomba yang dikehendaki **bertugas dalam giliran 12 jam atau 24 jam sehari dan secara 'on call' khusus kepada Ketua Operasi Negeri dan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat**. Ini bertujuan memberi galakan dan penghargaan kepada anggota yang perlu bertugas melebihi masa sepanjang tahun.

4. Sehubungan dengan itu, pembayaran BIB hendaklah dibuat kepada anggota bomba yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja dan pembayaran kepada anggota yang tidak layak **perlulah dihentikan dengan serta merta**.

5. Bagi memastikan pelaksanaan pembayaran BIB dibuat secara teratur mengikut



NORAINI BINTI SAIDIN
Penolong Pegawai Tadbir N32
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Negeri Pulau Pinang

kelulusan yang diberikan oleh JPA, bersama-sama ini disertakan "Garis Panduan Pembayaran Bayaran Insentif Bomba Kepada Pegawai Bomba Pelbagai Gred" yang berkuatkuasa mulai tarikh surat ini untuk perhatiandantindakanpihak YS Dato' / Tuan selanjutnya.

5. Bahagian Kejuruteraan dan Bahagian Penyiasatan Kebakaran yang pernah menerima BIB sebelum ini perlulah mengemukakan permohonan semula dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan, selari dengan GarisPanduan diatas.


6. Kerjasama dan tindakan segera pihak YS Dato' / tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1 Malaysia". Rakyat Didahulukan. PencapaianDiutamakan.

Saya yang menurutperintah,



(DATO' WAN MOHD NOR BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

✉ wmnl.bomba@1govuc.gov.my

☎ 03-88927613


☎ 03-88880962

s.k.

YAS TKP (O)

YAS TKP (P)

Pengarah Pengurusan



NORAN BINTI YUSOFF
Pencapaian Pegawai N32
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Negeri Pulau Pinang

SULIT

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PEMBAYARAN
BAYARAN INSENTIF BOMBA KEPADA
PEGAWAI BOMBA PELBAGAI GRED**

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk menetapkan garis panduan dan kriteria-kriteria dalam melaksanakan pembayaran Bayaran Insentif Bomba (BIB) kepada Pegawai Bomba pelbagai gred.

2. TAFSIRAN

2.1. Bayaran Insentif Bomba

Elaun yang diberi kepada anggota bomba sebagai galakan serta penghargaan berasaskan kriteria-kriteria kepakaran, kemahiran, keanehan tugas atau perkhidmatan dan kerana tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal. Bayaran Insentif adalah merupakan sebahagian daripada Komponen Berubah.

2.2. Waktu Bekerja

Masa bekerja yang ditetapkan kepada seseorang pegawai mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

2.3. Waktu Bekerja Pejabat

Waktu-waktu bekerja biasa biasa yang berikut dipakai bagi semua pejabat adalah :-

SULIT

Jadual 1 : Waktu Bekerja Pejabat di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Sabah, Sarawak dan Labuan

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin – Khamis	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 5.00 ptg
Jumaat	8.00 pg – 12.15 tgh	12.15 tgh–2.45 ptg	2.45 ptg–5.00 ptg
Jumaat (Sabah dan Labuan)	8.00 pg – 11.30 pg	11.00 pg – 2.00 ptg	2.00 ptg–5.00 ptg
Jumaat (Sarawak)	8.00 pg – 11.45 pg	11.45 pg – 2.15 ptg	2.15 ptg–5.00 ptg

Jadual 2 : Waktu Bekerja Pejabat di Kedah, Kelantan dan Terengganu

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Ahad - Rabu	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 4.45 ptg
Khamis	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 4.30 ptg

Jadual 3 : Waktu Bekerja Berperingkat di Kuala Lumpur dan Putrajaya

WP	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
1	Isnin – Khamis	7.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 4.30 ptg
	Jumaat	7.30 pg – 12.15 ptg	12.15 tgh–2.45 ptg	2.45 ptg – 4.30 ptg
2	Isnin – Khamis	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 5.00 ptg
	Jumaat	8.00 pg – 12.15 tgh	12.15 tgh–2.45 ptg	2.45 ptg–5.00 ptg
3	Isnin – Khamis	8.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 5.30 ptg
	Jumaat	8.30 pg – 12.15 tgh	12.15 tgh–2.45 ptg	2.45 ptg - 5.30 ptg

2.4. Waktu Bekerja Secara Giliran / Shif

Masa bekerja yang ditetapkan kepada pegawai bomba secara giliran / shif 12 jam atau 24 jam atas kepentingan untuk memberi perkhidmatan 24 jam sepanjang tahun dan berdasarkan kepada kesesuaian serta bilangan keanggotaan bomba disesebuah balai yang berkenaan.

SULIT

2.5. Tinggal atau Tunggu Panggilan / 'On Call'

Pegawai dikehendaki berada dalam keadaan bersedia 24 jam untuk dipanggil bertugas oleh Jabatan dan hendaklah berada dalam kawasan jagaan balai bagi Ketua Balai dan dalam negeri bagi Penolong Pengarah Operasi Negeri.

2.6. Ketua Jabatan

Seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu Jabatan atau Ketua Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkaitan.

3. LATAR BELAKANG

3.1. Jabatan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk Elaun Gantian Tetap (EGT) Bomba kepada anggota bomba yang dikehendaki bertugas melebihi 12 Jam mulai 01.01.1976. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 – Pelaksanaan Sistem Saraan Baru Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam 1991, EGT Bomba telah dikekalkan dan ditukar nama kepada Bayaran Insentif Bomba (BIB).

3.2. Sehingga kini, bayaran berkenaan telah disemak dan diberi kenaikan kadar bayaran sebanyak 8 kali. Kadar yang terkini adalah yang telah diluluskan pada tahun 2007 dengan bayaran sebanyak

SULIT

RM110 kepada yang bertugas 12 jam dan RM220 kepada yang bertugas 24 jam.

3.3. Surat-surat Kelulusan yang berkaitan adalah seperti berikut :-

Surat Kelulusan JPA																	
Rujukan Surat / Tarikh	Tajuk	Kadar Sebulan															
JPA. 63/50/56/(9) 31.05.1976	Pembayaran Elaun Gantian Kepada Anggota-anggota Perkhidmatan Bomba, Lembaga Pengurus, Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang	i. Fireman : RM30 ii. Leading Fireman / Driver : RM35 iii. Chief Fireman : RM40 iv. Sub Officer : RM40 * Bekerja lebih 12 jam sehari															
JPA(S) 63/31/3/(39) 16.09.1982	Elaun Gantian Tetap Bagi Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba Yang Di arah Bertugas 12 jam Sehari	i. Ahli Bomba : RM15 ii. Ahli Bomba Kanan : RM17.50 iii. Ketua Ahli Bomba : RM17.50 iv. Peg. Bomba Tkt. II : RM20 v. Peg. Bomba Tkt. I : RM20 * Kuatkuasa 1.1.1983 * Makan Minum dan Masa Rehat															
JPA(S)63/31/3 (91) 14.09.1984	Elaun Gantian Tetap Bagi Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba Yang Diarahkan Bertugas 12 Jam atau 24 Jam Sehari	Anggota yang menghadiri kursus tidak melebihi 28 hari berturut-turut layak menerima EGT															
JPA(S)63/31/3/(10 3) 05.01.1987	Penyemakan Semula Elaun Gantian Tetap bagi Anggota-anggota Perkhidmatan Bomba Berpangkat Rendah Yang Dikehendaki Bekerja 24 Jam Terus Menerus	i. Ahli Bomba : RM60 ii. Ahli Bomba Kanan : RM70 iii. Ketua Ahli Bomba : RM70 iv. Peg. Bomba Tkt. II : RM80 v. Peg. Bomba Tkt. I : RM80 * Kuatkuasa 1-1-1987															
JPA(S)63/138/Klt. 2/(14) 30.06.1995	Bayaran Insentif Bomba Kepada Anggota Bomba	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gred</th><th>24 jam (RM)</th><th>12 jam (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>KB13</td><td>110</td><td>27.50</td></tr> <tr> <td>KB12</td><td>120</td><td>30.50</td></tr> <tr> <td>KB11</td><td>120</td><td>30.50</td></tr> <tr> <td>KB10</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> </tbody> </table>	Gred	24 jam (RM)	12 jam (RM)	KB13	110	27.50	KB12	120	30.50	KB11	120	30.50	KB10	130	32.50
Gred	24 jam (RM)	12 jam (RM)															
KB13	110	27.50															
KB12	120	30.50															
KB11	120	30.50															
KB10	130	32.50															

SULIT

		<table> <tr><td>KB9</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> <tr><td>KB8</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> <tr><td>KB7</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> <tr><td>KB6</td><td>130</td><td>32.50</td></tr> </table> * Kuatkuasa 1.7.1995 * Kadar Baru bagi gilirian kerja operasi 12 jam & 24 jam	KB9	130	32.50	KB8	130	32.50	KB7	130	32.50	KB6	130	32.50
KB9	130	32.50												
KB8	130	32.50												
KB7	130	32.50												
KB6	130	32.50												
JPA(S)63/138 Klt. 2(49). 07.11.2000	Kenaikan Kadar Bayaran Insentif Bomba	<table> <tr> <th>Gred</th><th>24 jam (RM)</th><th>12 jam (RM)</th></tr> <tr> <td>KB6 – KB13</td><td>140</td><td>90</td></tr> </table> * Kuatkuasa 1.11.2000	Gred	24 jam (RM)	12 jam (RM)	KB6 – KB13	140	90						
Gred	24 jam (RM)	12 jam (RM)												
KB6 – KB13	140	90												
JPA(S)(BGE)63/1 64-1 Klt. 3 (17) 07.02.2005	Permohonan Pemanjangan Bayaran Insentif Bomba Kepada Penguasa Bomba Gred KB41 dan Ke atas Yang Bertugas Sebagai Pegawai Penjaga Balai dan Ketua Operasi Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	BIB 12 jam & 24 jam untuk pegawai bomba gred KB11 hingga KB32 dipanjangkan kepada Penguasa Bomba gred KB41 dan ke atas yang bertugas sebagai Pegawai Penjaga Balai dan Ketua Operasi Negeri. Kuatkuasa 1.1.2005												
JPA (S)(BGE)63/164-1 Klt. 5/(39) 04.05.2007	Kajian Kenaikan Kadar Bayaran Insentif Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	<table> <tr> <th>Perkara</th><th>Kadar Semasa</th><th>Kadar Baru</th></tr> <tr> <td>Shif 12 jam</td><td>90</td><td>110</td></tr> <tr> <td>Shif 24 jam</td><td>140</td><td>220</td></tr> </table> Kuatkuasa 1.5.2007	Perkara	Kadar Semasa	Kadar Baru	Shif 12 jam	90	110	Shif 24 jam	140	220			
Perkara	Kadar Semasa	Kadar Baru												
Shif 12 jam	90	110												
Shif 24 jam	140	220												

4. PRINSIP PELAKSANAAN

4.1. BIB ini layak dibayar kepada Pegawai dan anggota yang berada dalam Skim Perkhidmatan Bomba.

4.2. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya bertugas dalam salah satu waktu bertugas atau memegang jawatan tertentu seperti di bawah:-

(a) Pegawai Bomba yang bertugas dalam giliran, sama ada 12 jam atau 24 jam; atau

SULIT

- (b) Pegawai Bomba yang memegang jawatan sebagai Ketua Balai Bomba dan Penyelamat dan jawatan sebagai Penolong Pengarah Operasi Negeri dan bertugas secara 'on-call' 24 jam.

4.3. Tempat Bertugas sedia ada yang mempunyai norma kerja seperti para 4.2(a) di atas :-

- (a) Balai Bomba dan Penyelamat (secara giliran 12/24 jam)
- (b) Pusat Gerakan Operasi Negeri (secara giliran 12/24 jam)
- (c) Unit Pengesan (secara giliran 12/24 jam)
- (d) Pangkalan Udara (secara giliran 12/24 jam)

4.4. Kadar bayaran adalah seperti berikut :-

Perkara	Kadar Bayaran Sebulan
Shif 12 jam	RM110
Shif 24 jam	RM220

4.5. Pegawai dan anggota yang meninggalkan tugas melebihi 28 hari berturut-turut perlu memulangkan semula BIB ini termasuk:-

- i. Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut;
- ii. Cuti Haji;
- iii. Cuti Sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut;
- iv. Cuti Bersalin;
- v. Cuti Belajar melebihi tiga (3) bulan; atau
- vi. Kombinasi mana-mana jenis cuti di perenggan i, ii, iii dan iv di atas yang melebihi 28 hari berturut turut.

NO. 123456789
Pendorong Pegawai Tadbir 132
Jabatan Bomba dan Penyelamatan
Negeri Pulau Pinang

SULIT



SULIT

- 4.6 Pegawai dan anggota yang **tiada giliran bekerja** seperti di para 4.2(a) atau secara 'on-call' seperti di para 4.2(b) di atas **tidak boleh dibayar** bayaran insentif ini.
5. Sebarang pembayaran BIB di masa hadapan selain daripada tempat bertugas seperti para 4.3 **hanya akan dipertimbangkan** bagi pegawai yang bertugas secara giliran 12 jam atau 24 jam dalam pasukan.
6. Sebarang permohonan pembayaran perlulah dikemukakan melalui Cawangan Pengurusan Sumber Manusia, Ibu Pejabat JBPM untuk kelulusan YAS Ketua Pengarah JBPM dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti dibawah:-
- i. Surat permohonan ketua jabatan
 - ii. Justifikasi Pembayaran
 - iii. Senarai Tugas
 - iv. Carta Organisasi
 - v. Jadual Bertugas Mengikut Giliran

Cawangan Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Pengurusan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Oktober 2013




NORAINI BINTI SAIDIN
Penolong Pegawai Tadbir N32
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Negeri Pulau Pinang

SULIT